



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Kecilkan fail PDF

BAGAIMANAKAH cara untuk mengecilkan saiz bagi sesuatu fail yang berformat *portable document format (PDF)*?

- ZULKHAIRI, Rembau.

TERDAPAT banyak cara yang boleh digunakan untuk mengecilkan saiz bagi sesuatu fail berformat PDF. Oleh itu, kita boleh menggunakan mana-mana cara yang akan dibincangkan sesuai menurut seperti yang dikehendaki.

- 1** Penggunaan aplikasi atau program penukaran fail PDF seperti aplikasi *PrimoPDF*, *CutePDF* dan lain-lain. Aplikasi ini berupaya membuat fail PDF dan mengecilkan saiz fail PDF sedia ada. Aplikasi ini perlu dipasangkan terlebih dahulu ke dalam komputer.
- 2** Penggunaan aplikasi penukaran fail atas talian seperti aplikasi *SmallPDF*, *Neevia's PDFCompress* dan lain-lain. Namun begitu perkhidmatan atas talian ini mempunyai keperluan saiz fail yang terhad dan bergantung kepada kelajuan capaian internet.
- 3** Sekiranya mempunyai aplikasi *Adobe Acrobat* yang dibeli, boleh menggunakan fungsi *Reduced Size* yang terdapat dalam aplikasi itu untuk mengecilkan sesebuah fail PDF.
- 4** Penggunaan aplikasi *PDF Optimizer*. Aplikasi ini berupaya mengawal kualiti kandungan bagi sesuatu fail PDF yang mana turut mempengaruhi saiz fail PDF tersebut. Semakin kurang kualiti fail PDF tersebut akan mengurangkan saiz failnya.
- 5** Bagi sesebuah komputer berasaskan Apple, boleh menggunakan aplikasi *Macintosh Preview* untuk mengurangkan saiz sesuatu fail PDF.
- 6** Penggunaan fungsi pemadatan fail dalam sistem pengoperasian atau aplikasi pemadatan fail seperti aplikasi ZIP, 7ZIP, WinRAR dan lain-lain.
- 7** Penukaran fail PDF kepada fail pemproses kata yang biasanya saiz fail tersebut akan menjadi lebih kecil berbanding asal seperti *Microsoft Word* dan lain-lain.
- 8** Melakukan penyimpanan fail PDF menggunakan aplikasi storan awan seperti *Google Drive* dan lain-lain.
- 9** Penggunaan aplikasi pengeditan fail PDF seperti aplikasi *Nitro PDF Professional*, *Foxit Reader* dan lain-lain.

Harus diingat bahawa *Adobe Reader* dan *Adobe Acrobat* merupakan aplikasi yang tidak sama. Aplikasi *Adobe Acrobat* perlu dibeli secara sah untuk menggunakannya.